

SUNGAI PETANI, 9 OKT (BERNAMA)-TIMBALAN PERDANA MENTERI, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MEMBIDAS SETENGAH GOLONGAN YANG MENDAKWA BAHAWA DASAR KERAJAAN MENGENAI PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN HANYA MENGUNTUNGKAN ORANG-ORANG BERADA. 1976

BELIAU MENSIFATKAN GOLONGAN TERSEBUT SEBAGAI ORANG-ORANG YANG HANYA BERUSAHA UNTUK MENDAPATKAN PENGARUH RAKYAT.

KETIKA MERASMIKAN KILANG LETRONIK SHARP-ROXY DI SINI HARI INI BELIAU JUGA MENINGATKAN BAHAWA GOLONGAN ITU AKAN CUBA MENIMBULKAN PERASAAN TIDAK PUASHATI TERUTAMANYA DI KALANGAN PARA PEKERJA UNTUK MEMBUKTIKAN BAHAWA MEREKA ADALAH "JAGUH" PEKERJA.

KETIKA MENJELASKAN MENGAPA KERAJAAN MENARIK PARA PELABUR ASING MENANAM MODAL DI NEGARA INI, DR. MAHATHIR BERKATA, PERUSAHAAN BUKAN SAHAJA MEMBERI PELUANG PEKERJAAN TETAPI JUGA MEMBOLEHKAN KERAJAAN MEMUNGUT CUKAI.

DARI CUKAI-CUKAI TERSEBUT KERAJAAN DAPAT MEMBIAYAI PROJEK MEMBINA SEKOLAH, HOSPITAL, MENGADAKAN BEKALAN AIR DAN API, JALANRAYA, BIASISWA DAN LAIN-LAIN KEPERLUAN RAKYAT. -- BERSAMBUNG HM 1985

21

BE1P

MAHATHIR GW SUNGAI PETANI

TAMBAHNYA, KEUNTUNGAN BERSIH YANG DIBAHAGIKAN KEPADA PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM SETELAH DITOLAK CUKAI PUN BOLEH MEMBERI FAEDAH KEPADA KERAJAAN.

TENTANG USAHA MEMILIKNEGARAKAN PERUSAHAAN-PERUSAHAAN DI NEGARA INI, BELIAU BERKATA, INI TIDAK DAPAT DIJALANKAN KERANA JIKA SESUATU PERUSAHAAN ITU MENGALAMI KERUGIAN MAKA KERAJAAN DAN RAKYAT AKAN MENANGGUNGNYA.

MENGENAI DASAR EKONOMI BARU, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA, IANYA BERTUJUAN MENGAWASI PERKEMBANGAN PERNIAGAAN DAN PERUSAHAAN AGAR TIDAK MENIMBULKAN MASAALAH BAGI MASYARAKAT.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA DALAM USAHA KERAJAAN MELIBATKAN DIRI DALAM PERUSAHAAN IA TIDAK PULA MENGHALANG ATAU MENJEJAS KEMAJUAN SEKTOR SWASTA.

"KERAJAAN AKAN BERUSAHA DAN BEKERJASAMA DENGAN PIHAK SWASTA SUPAYA HASILNYA MENJADIKAN NEGARA INI LEBIH MAKMUR DAN PENDUDUKNYA LEBIH MEWAH."

TERDAHULU DARI ITU, MENTERI BESAR KEDAH, DATUK SRI SYED AHMAD SHAHABUDDIN BERKATA, LEBIH 10,000 PECUANG PEKERJAAN AKAN DAPAT DIWUJUDKAN APABILA KILANG-KILANG DI KAWASAN PERUSAHAAN BAKAR ARANG LERGERAK SEPENUHNYA.

-BERSAMBUNG HM 1927

21

BE20

MAHATHIR 3 SUNGAI PETANI

KATANYA, SATU ROMBONGAN DARI KERAJAAN NEGERI AKAN MELAWAT EROPAH UNTUK MENERANGKAN KEPADA PARA PELABUR DI SANA MENGENAI KEMUDAHAN-KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN DI NEGERI INI.

SEMENTARA ITU PENGARAH URUSAN SYARIKAT TERSEBUT, ENCIK LI DAK SIM BERKATA, DALAM TAHUN 1974, SYARIKAT ITU TELAH MEMPELAWA SEBILAH SYARIKAT BUMIPUTRA UNTUK MENGAMBIL BAHAGIAN BERSAMA MENGELUARKAN RADIO, PITARAKAM KESET, ALAT KIRA-KIRA LETRONIK, TV DAN SEMI CONDUCTOR 100 PERATUS UNTUK DIEKSPOT.

KATANYA, SYARIKAT ITU SEKARANG MEMPUNYAI SERAMAI 400 ORANG PEKERJA DAN AKAN MENAMBAHNYA KEPADA 700 ORANG TAHUN DEPAN.

MATLAMATNYA TIDAK UNTUK MENGELUARKAN 700,000 SET RADIO DAN SET PITARAKAM KESET DENGAN NILAI PUSINGAN SEBANYAK 135 JUTA SETANUN DALAM TAHUN 1977. -- BERNAMA HM 1977